

Kerajaan tidak boleh terus beri subsidi tol

UM-10/1/2007

PUTRAJAYA 9 Jan. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan tidak boleh terus memberikan subsidi bagi mengelakkan kenaikan kadar tol lebuhraya kerana langkah itu memerlukan peruntukan yang besar.

Perdana Menteri berkata, selain itu kerajaan juga perlu mengeluarkan perbelanjaan bagi subsidi dalam sektor-sektor lain.

Beliau menegaskan, kerajaan telah beberapa kali mengambil keputusan menangguhkan kenaikan tol dan ia menyebabkan kerajaan terpaksa membayar pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi.

“Semua hendak subsidi, macam mana... bukan satu subsidi yang kecil. Sebelum ini kita sudah beri subsidi, kita tangguhkan

kenaikan, maknanya tol tak naik tetapi kerajaan kena bayar (pampasan).

“Kita tidak upaya nak buat begitu. Kita tahu untuk kegunaan kemudahan seperti itu bayaran perlu dikenakan,” kata Abdullah kepada pemberita selepas merasmikan majlis pecah tanah projek Institut Kanser Negara di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, langkah kerajaan menaikkan kadar tol lebuhraya dibuat berasaskan kepada keadaan semasa meskipun dalam perjanjian dengan syarikat konsesi satu jangkaan telah dibuat terhadap jumlah peningkatan aliran trafik.

“Banyak atau tidak kereta yang akan gunakan jalan tol, semuanya dibuat pada masa itu. Apa yang jadi pada hari ini kita

kena ambil kiralah.

“Kita tidak boleh nafikan situasi memerlukan kita ambil tindakan yang memerlukan kita menaikkan kadar tol,” katanya.

Ditanya mengapa kerajaan perlu terus memberikan subsidi sedangkan syarikat konsesi tol lebuhraya dikatakan meraih keuntungan, Perdana Menteri berkata, kerajaan mengadakan banyak perbincangan dengan syarikat-syarikat konsesi berkenaan dan mengenal pasti terdapat perkara yang munasabah perlu dilakukan.

“Tetapi jika anda mempunyai maklumat-maklumat lain, bolehlah beritahu kami,” kata Abdullah.

Mengenai dakwaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) bahawa parti itu memiliki doku-

men perjanjian konsesi, Abdullah berkata, kerajaan boleh mengambil tindakan sekiranya dokumen itu diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Ditanya adakah syarikat konsesi perlu mendedahkan jumlah kutipan yang mereka peroleh kepada umum, beliau memberitahu, segala maklumat mengenainya boleh didapati kerana syarikat tersebut merupakan syarikat senarai awam.

“Ya, kerajaan juga menerima maklumat berdasarkan pembentangan yang dibuat oleh syarikat konsesi tentang kutipan tol mereka.

“Apa yang terbukti kepada kita sebagai kerajaan ialah tol perlu dinaikkan,” katanya.